

madah kita

A newsletter for Customers, Business Partners and Employees
Berita untuk Pelanggan, Rakan Perniagaan dan Pekerja

Trienekens (Sarawak) Sdn. Bhd. (485296-V)

Issue 1 2017



Trienekens wins State's
Top Environmental Award
'CMEA 2016'

'Green Synergy' employee
environmental awareness campaign
records positive results



Chairman's Message

Warkah Pengerusi

Mr. Jurgen Pickenhagen

Salam Sejahtera!

In Trienekens, innovation has kept us moving forward and at the leading edge of technology, enabling us to solve many of the industry's increasingly complex challenges. With the world's current volatile business environment, it is even more imperative that we see and act upon the opportunities and possibilities for change through innovation.

Though we view technologically advanced assets as empowering tools contributing to a successful business, there is only so much Return on Investment (ROI) a corporation can expect to receive from these investments without also investing in human resources. We pride ourselves on being a workplace that attracts, sustains and motivates employees with a focus on employee engagement and recognition. With that said, I would like to congratulate all newly promoted team members for their outstanding performance that led to their promotions, and welcome all new staff to the Trienekens family.

Among those recently promoted is our new Group Deputy Chief Executive Officer, Elvin Wee. Elvin has had an impressive career within the Trienekens Group where he has gained invaluable industry knowledge across all sectors of the waste management industry. His recent appointment is a tribute to his success and has been in effect from January 1, 2017. Elvin's appointment is a clear reflection of the Group's current state: ready to take on the future and poised for expansion. A seasoned leader known for his ability to lead change and transform businesses for increased productivity and profitability, his new role will see him take the company to the next level by accelerating innovation, research and development, and revenue growth.

Even in challenging times, we must never compromise the quality of our services. Our commitment to quality, safety and environmental preservation was recently recognised when Trienekens (Sarawak) won several awards; the most significant being the State's top 'green' award, the Sarawak Chief Minister's Environmental Award (CMEA) 2015/2016 under the category for Large Enterprises (services and other sectors). A fantastic achievement for the company as a whole, the award consolidates all our aspirations, commitment and hard work into one goal – that is to help create a safer, healthier and cleaner environment for all.

Thank you to all staff and keep up the good work!

Salam Sejahtera!

Dalam Trienekens, inovasi merupakan penggerak utama kerana ia membawa kita ke peringkat teknologi terkini, membolehkan kita menyelesaikan banyak cabaran-cabaran industri yang semakin kompleks. Dengan keadaan perniagaan dunia yang tidak menentu sekarang, mengenal pasti dan bertindak ke atas peluang dan kemungkinan untuk berubah melalui inovasi menjadi satu kemestian.

Walaupun asset-asset berteknologi tinggi dilihat sebagai alat-alat penting untuk menjayakan perniagaan, sesebuah syarikat tidak boleh menjangka menerima pulangan pelaburan (ROI) yang banyak sekiranya tidak melabur di dalam sumber manusia. Kami bangga kerana dapat menyediakan tempat kerja yang berupaya menarik, mengekal dan memotivasi para pekerja melalui penglibatan dan pengiktirafan pekerja. Lantaran itu, tahniah saya ucapan kepada semua anggota-anggota pasukan yang baru sahaja menerima kenaikan pangkat di atas prestasi cemerlang mereka, dan mengalu-alukan kemasukan pekerja baru ke keluarga Trienekens.

Antara mereka yang dinaikkan pangkat ialah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Elvin Wee. Elvin memiliki karier yang menarik di dalam Kumpulan Trienekens di mana beliau telah menimba pengetahuan industri yang berharga dari seluruh sektor industri pengurusan sisa. Pelantikan baru beliau berkuatkuasa pada 1 Januari 2017 merupakan penghormatan di atas kejayaan beliau juga menggambarkan kedudukan terkini Kumpulan: bersedia menghadapi masa depan dan meluaskan perniagaan. Sebagai seorang pemimpin yang berpengalaman dan berupaya membuat perubahan serta mengubah perniagaan bagi meningkatkan produktiviti dan keuntungan, peranan baru beliau dilihat akan membawa syarikat ke tahap seterusnya di mana inovasi, penyelidikan dan pembangunan serta pendapatan syarikat dipertingkatkan.

Walaupun berada di dalam suasana mencabar, kualiti perkhidmatan kita tidak boleh dikompromi. Komitmen kita ke atas kualiti, keselamatan dan pemuliharaan alam sekitar baru-baru ini diiktiraf apabila Trienekens (Sarawak) memenangi beberapa anugerah; salah satu yang paling signifikan adalah anugerah 'hijau' tertinggi Negeri iaitu Anugerah Alam Sekitar Ketua Menteri Sarawak (CMEA) 2015/2016 di bawah kategori Perusahaan Besar (Perkhidmatan dan Sektor Lain). Ini adalah pencapaian hebat untuk seluruh Syarikat kerana ia menyatukan semua aspirasi, komitmen dan usaha keras kita menjadi satu matlamat – menyumbang kepada alam sekitar yang lebih selamat, sihat dan bersih untuk semua orang.

Terima kasih kepada semua pekerja dan teruskan usaha-usaha baik anda!

CONTENTS / KANDUNGAN



Corporate Affairs / Hal Ehwal Korporat

- SWM Signs Concession Agreement With Serian District Council
SWM Tandatangani Perjanjian Konsesi Dengan Majlis Daerah Serian 02
- Trienekens Recognised For Green Championship & Service Excellence
Trienekens Diiktiraf Atas Usaha Hijau & Khidmat Cemerlang 03
- Corporate Agenda Continues To Feature Collaboration
Agenda Syarikat Terus Utamakan Kerjasama 05

HSE & Human Resources / HSE & Sumber Manusia

- Ensuring Compliancy With Audits
Pastikan Kepatuhan Melalui Audit 09
- Management Training Focuses On Career Development
Latihan Pengurusan Fokus Kepada Pembangunan Karier 11
- Sports Night A Big Hit
Malam Sukan Jadi Tarikan Besar 12

Special Features / Rencana Khas

- “Green Synergy” Records Positive Results For 2016
“Sinergi Hijau” Catat Keputusan Positif Untuk Tahun 2016 13
- Starting Them Young
Didikan Dari Usia Muda 15

Our People / Rakan Sekerja Kita

- Promotions / Kenaikan Pangkat 18
- New Team Members / Tenaga Kerja Baru 20

Spot the Difference / Carikan Perbezaan

Madah Kita Editorial Team

Advisor / Penasihat:

Katherine Kong

Concept & Editorial / Konsep & Karangan:


Julan Yu Abit
Janet J. Balong

Contributors / Penyumbang:

Anthea Lee
Anthea Thomas
Clare Kho
Nur Ainiza bt Zakaria

SWM Signs Concession Agreement With Serian District Council

SWM Tandatangani Perjanjian Konsesi Dengan Majlis Daerah Serian



IT'S OFFICIAL... SWM Director, Jurgen Pickenhagen and Serian District Council (SDC) Chairman, Lim Hock Meng (2nd and 5th left) exchange documents witnessed by (from left) SWM Director, Tan Show Boon; Permanent Secretary of the Ministry of Local Government, Bakrie Zaini; SDC Secretary Joseph Indi; and SDC Deputy Chairman, Dr Simon Sinang Bada.

RASMI... Pengarah SWM, Jurgen Pickenhagen dan Pengerusi Majlis Daerah Serian, Lim Hock Meng (ke-2 dan ke-5 dari kiri) bersama (dari kiri) Pengarah SWM, Tan Show Boon; Setiausaha Tetap Kementerian Kerajaan Tempatan, Bakrie Zaini; Setiausaha Majlis, Joseph Indi; dan Timbalan Pengerusi Majlis, Dr Simon Sinang Bada.

Following the upgrade of Serian District to Sarawak's 12th Division; Sarawak Wastes Management (SWM), the concession holder for the State's Integrated Waste Management System (IWMS) recently inked a concession agreement with the Serian District Council to address the provision of waste management services of areas affected by boundary changes in the neighbouring Padawan Municipal Council (MPP).

In particular, the areas Siburan, Tapah and Beratok, which were previously under MPP had been shifted to the jurisdiction of the Serian District Council. To ensure uninterrupted waste management services for the three areas, the Serian District Council had engaged SWM to continue providing waste management, including disposal services, to the affected areas.

A signing ceremony of the Concession Agreement was recently held in SWM's headquarters in Jalan Sungai Tapang between the Serian District Council and SWM, who were represented by Council Chairman, Lim Hock Meng and SWM Director, Jurgen Pickenhagen.

Council Chairman, Lim Hock Meng expressed confidence that the IWMS operating company would continue to render services of the highest standards to the local residents, "Considering Trienekens' proven expertise, experience, track record and commitment in the State; we are happy to have them continue their service in Siburan, Tapah and Beratok," he said. He added that the council would also consider extending Trienekens' services in other areas in Serian.

Susulan dari penaiktarafan Daerah Serian sebagai Bahagian ke-12 Sarawak; Sarawak Wastes Management (SWM), pemegang konsesi Sistem Pengurusan Sisa Bersepadu (IWMS) Sarawak, baru-baru ini telah menandatangani satu perjanjian konsesi dengan Majlis Daerah Serian yang melibatkan penyediaan perkhidmatan kutipan sisa di kawasan-kawasan yang terlibat hasil dari penyelarasana sempadan.

Kawasan-kawasan terlibat adalah Siburan, Tapah dan Beratok, yang sebelum ini berada di bawah bidang kuasa Majlis Perbandaran Padawan (MPP) dan kini ia diambil alih oleh Majlis Daerah Serian. Pihak Majlis Daerah Serian telah melantik SWM untuk meneruskan perkhidmatan mengurus sisa, termasuk melupus sisa, di ketiga-tiga kawasan tersebut bagi mengelakkan sebarang gangguan perkhidmatan.

Satu majlis ringkas menandatangani Perjanjian Konsesi di antara Majlis Daerah Serian dan SWM yang diwakili oleh Pengerusi Majlis, Lim Hock Meng dan Pengarah SWM Jurgen Pickenhagen telah diadakan di ibu pejabat SWM di Jalan Sungai Tapang.

Pengerusi Majlis, Lim Hock Meng, menyatakan keyakinan beliau bahawa syarikat pengendali IWMS akan terus menyediakan perkhidmatan yang berkualiti tinggi kepada penduduk setempat, "Melihat kepada kepakaran, pengalaman, rekod prestasi dan komitmen Trienekens yang terbukti di Negeri ini, kami gembira perkhidmatannya di Siburan, Tapah dan Beratok dapatkan diteruskan," kata beliau. Beliau juga menambah pihak Majlis akan mempertimbangkan untuk meluaskan perkhidmatan Trienekens ke kawasan-kawasan lain di Serian.

Trienekens Recognised For Green Championship & Service Excellence

Trienekens Diiktiraf Atas Usaha Hijau & Khidmat Cemerlang

Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd, the operating company of Sarawak's Integrated Solid Waste Management System, was recently honoured with multiple industry awards presented by the Sarawak State Government, the Malaysian Institute of Chemistry and Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS).

Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd, syarikat operasi Sistem Pengurusan Sisa Bersepadu Sarawak, baru-baru ini telah menerima beberapa anugerah industri yang disampaikan oleh Kerajaan Negeri Sarawak, Institut Kimia Malaysia dan Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS).

Trienekens Wins State's Top Environmental Award Trienekens Menangi Anugerah Alam Sekitar Tertinggi



Chief Minister YAB Datuk Amar Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Abang Haji Openg (left) presented Trienekens' Chairman, Jurgen Pickenhagen (extreme right) and Trienekens Division Manager of Environment R&D, Dayang Sherrynazra binti Awang Sharkawi (centre) with the Award.

Ketua Menteri YAB Datuk Amar Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Abang Haji Openg (kiri) menyerahkan anugerah kepada Pengurus Trienekens, Jurgen Pickenhagen (hujung kanan) dan Pengurus Bahagian Penyelidikan & Pembangunan Alam Sekitar, Dayang Sherrynazra binti Awang Sharkawi (tengah).

Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd was named the overall winner of the prestigious 7th Sarawak Chief Minister's Environmental (CMEA) 2015/2016 Award under the Large Enterprise (services and other sectors) category. The company's Chairman, Jurgen Pickenhagen received the award from Chief Minister YAB Datuk Amar Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Abang Haji Openg at the presentation dinner held in Kuching on 1 March 2017.

Pickenhagen thanked the State government for recognising Trienekens' commitment and dedication to contribute towards a clean and healthy Sarawak, adding that in this increasingly environmentally-conscious world, businesses have a growing ethical and moral obligation to protect the environment.

The Natural Resources and Environment Board (NREB) Sarawak, in collaboration with the Sarawak Chamber of Commerce and Industry (SCCI), has been jointly organising the CMEA event since 2001. The event is held biennially and is acknowledged as the premier environmental award for small, medium and large enterprises as well as local authorities, in the State.

Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd telah dinobatkan sebagai pemenang keseluruhan Anugerah Alam Sekitar Ketua Menteri Sarawak (CMEA) 2015/2016 yang ketujuh di bawah kategori Perusahaan Besar (perkhidmatan dan sektor lain). Pengurus Trienekens, Jurgen Pickenhagen menerima anugerah tersebut daripada Ketua Menteri YAB Datuk Amar Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Abang Haji Openg di satu majlis penyampaian di Kuching pada 1 Mac 2017.

Pickenhagen mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sarawak kerana mengiktiraf komitmen dan dedikasi Trienekens menyumbang ke arah menjadikan Sarawak negeri yang bersih dan sihat sambil memberitahu dalam dunia yang semakin peka dengan alam sekitar, perniagaan mempunyai kewajipan etika dan moral untuk melindungi alam sekitar.

Lembaga Sumber Alam dan Alam Sekitar (NREB) Sarawak dengan kerjasama Dewan Perniagaan dan Industri Sarawak (SCCI) telah menganjurkan acara CMEA tersebut sejak 2001. Anugerah diadakan selang dua tahun dan dikenali sebagai anugerah alam sekitar perdana untuk perusahaan kecil, sederhana dan besar termasuk majlis tempatan di Sarawak.

Trienekens Laboratory Bags Excellence Award

Makmal Trienekens Diiktiraf Cemerlang



For achieving excellence in providing quality and competent laboratory testing services pertaining to local legislations, especially in the fields of health, safety and environment; Trienekens' in-house laboratory was recently awarded with the 2016 Laboratory Excellence Award from the Malaysian Institute of Chemistry.

The Institute, also known as Institut Kimia Malaysia (IKM) is a professional body that regulates the Chemists Act in Malaysia and is responsible for certifying the competency and integrity of its members. The award ceremony was held at the Eastin Hotel, Petaling Jaya in December 2016, and was officiated by Datuk Seri Panglima Madius Tangau; Minister of Science, Technology and Innovation Malaysia.

Trienekens' Division Manager for Environment R&D, Dayang Sherrynazra binti Awang Sharkawi (left) receives the award from Datuk Haji Ismail bin Talib, the Director General of the Department of Chemistry Malaysia while the Award's committee member for Laboratory & Quality Assurance, Chang Hon Fong, looks on.

Pengurus Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Alam Sekitar Trienekens, Dayang Sherrynazra binti Awang Sharkawi (kiri) menerima anugerah daripada Datuk Haji Ismail bin Talib, Ketua Pengarah Jabatan Kimia Malaysia sambil diperhati oleh Chang Hon Fong, Ahli Jawatankuasa Makmal & Jaminan Kualiti untuk Anugerah Makmal Cemerlang.

Berikutnya pencapaian cemerlang dalam penyediaan perkhidmatan makmal berkualiti dan ujian makmal cekap yang berkaitan dengan undang-undang tempatan, terutama sekali dalam bidang kesihatan, keselamatan dan alam sekitar; makmal Trienekens baru-baru ini telah dianugerahkan Anugerah Makmal Cemerlang 2016 daripada Institut Kimia Malaysia.

IKM adalah sebuah badan profesional yang mengawal Akta Ahli Kimia di Malaysia dan bertanggungjawab untuk mengesahkan kecekapan dan integriti ahli-ahlinya. Majlis penganugerahan ini telah diadakan di Hotel Eastin, Petaling Jaya pada 2 Disember 2016 dan dirasmikan oleh Datuk Seri Panglima Madius Tangau; Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia.

Trienekens Clinches “Best Performance” Award At PETRONAS Sarawak Partners Forum

Trienekens Terima Anugerah “Prestasi Terbaik” Di Forum Rakan PETRONAS Sarawak



Trienekens' Group Deputy CEO, Elvin Wee (centre) received the award from ABF Head of Plant, Lucas Takip witnessed by (from left) CEO of MLNG, Paul Kiew Huai; Norliza bt M.Nawi (Head PDIS, GP) and Procurement Bintulu Head, Simon Laing Imang.

Timbalan Pegawai Eksekutif Kumpulan Trienekens, Elvin Wee (tengah) menerima anugerah dari Ketua Loji ABF, Lucas Takip, sambil diperhatikan oleh (dari kiri) CEO MLNG, Paul Kiew Huai; Norliza bt M. Nawi (Ketua PDIS, GP) dan Ketua Pemerolehan Bintulu, Simon Laing Imang.

Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS) recently honoured its top contractors and partners for their exemplary performance in providing quality services at the PETRONAS Sarawak Partners Forum, held in Bintulu earlier this year. Organised by PETRONAS Procurement Bintulu in collaboration with OPU, the event saw Trienekens receiving the award for “Best Performance” under the Non-Plant Category.

Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS) telah memberi penghormatan kepada kontraktor dan rakan terbaiknya di atas prestasi cemerlang mereka dalam menyediakan perkhidmatan yang berkualiti di Forum Rakan PETRONAS Sarawak, Bintulu awal tahun ini. Dianjurkan bersama oleh Pemerolehan PETRONAS Bintulu dan OPU, majlis menyaksikan Trienekens menerima anugerah “Prestasi Terbaik” di bawah kategori Bukan Loji.

Corporate Agenda Continues To Feature Collaboration

Agenda Syarikat Terus Utamakan Kerjasama

For the first half of the year, collaboration continued to feature high on the Group's corporate agenda. Joint initiatives have the potential to offer each party mutually beneficial engagements; besides bringing together key players to share knowledge, raise industry awareness and underpin the further development of quality standards. Trienekens recently worked together with several different associates in joint efforts involving experience and information-sharing initiatives.

Pada separuh pertama tahun ini, kerjasama terus menjadi keutamaan dalam agenda korporat Kumpulan. Inisiatif-inisiatif bersama berpotensi untuk menawarkan penglibatan yang membawa faedah bersama; selain daripada mengumpul pemain-pemain utama berkongsi pengetahuan, meningkat kesedaran industri, dan mengukuhkan pembangunan standard kualiti. Baru-baru ini Trienekens telah bekerjasama dengan beberapa rakan yang berbeza dalam inisiatif-inisiatif perkongsian pengalaman dan maklumat.

Trienekens Welcomes Department Of Environment To KIWMP

Trienekens Sambut Jabatan Alam Sekitar Di KIWMP

Trienekens recently hosted representatives of the Department of Environment (DOE) to several meetings and technical site visits at the Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP) in Mambong. The initiatives were part of the company's efforts to enhance its sustainability performance while contributing towards the further development of modern waste management technologies.

Trienekens telah menyambut kedatangan wakil-wakil Jabatan Alam Sekitar yang menghadiri beberapa mesyuarat dan lawatan teknikal tapak di KIWMP, Mambong. Inisiatif tersebut merupakan sebahagian daripada usaha-usaha syarikat untuk mempertingkatkan prestasi kelestariannya sambil membangunkan teknologi pengurusan sisa moden.



Director General of Malaysia's Department of Environment (DOE), Dato' Dr. Ahmad Kamarulnajuib bin Che Ibrahim (left) receives a memento from Trienekens' Senior Manager of HSE, Harris Michael while Chief Operating Officer, Alice Lee and Group Deputy CEO, Elvin Wee look on.

Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Malaysia, Dato' Dr. Ahmad Kamarulnajuib bin Che Ibrahim menerima cenderahati dari Pengurus Kanan HSE Trienekens, Harris Michael sambil diperhati oleh Ketua Pegawai Operasi, Alice Lee dan Timbalan CEO Kumpulan, Elvin Wee.



Dato' Dr. Ahmad Kamarulnajuib bin Che Ibrahim (centre) is pictured here during his recent familiarisation visit to KIWMP. The visit was also attended by DOE Sarawak Director, Hajah Azuri Azizah (4th right), DOE Sarawak Deputy Directors and other DOE Sarawak Officers.

Dato' Dr. Ahmad Kamarulnajuib bin Che Ibrahim (tengah) bergambar semasa lawatan beliau ke KIWMP. Ia juga dihadiri oleh Pengarah JAS Sarawak, Hajah Azuri Azizah (ke-4 kanan), para Timbalan Pengarah dan Pegawai JAS Sarawak yang lain.



DOE Putrajaya (Hazardous Substances Division) together with their appointed consultant recently paid a visit to KIWMP to collect data regarding mercury waste management, following the Minamata Convention on Mercury under the RMK-11 development project.

JAS Putrajaya (Bahagian Bahan-bahan Berbahaya) telah membuat lawatan ke KIWMP bersama perunding dilantik mereka untuk mendapatkan maklumat pengurusan sisa merkuri susulan dari Konvensyen Minamata tentang Merkuri di bawah projek pembangunan RMK-11.



DOE Sarawak together with DOE Putrajaya (Hazardous Substance Division) and Universiti Teknologi Malaysia (UTM) were recently at KIWMP for a technical discussion concerning the Department's study on Clinical Waste Management in Malaysia. The visiting group is pictured here at the Scheduled Waste Incinerator Plant II.

JAS Sarawak bersama JAS Putrajaya (Bahagian Bahan Berbahaya) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah mengadakan satu perbincangan teknikal berkaitan kajian Pengurusan Sisa Klinikal di Malaysia oleh Jabatan tersebut di KIWMP. Rombongan dilihat bergambar di Loji Insinerator Sisa Terjadual II.

Familiarisation Tour For Councillors Lawatan Tapak Untuk Ahli-ahli Majlis

Trienekens recently hosted several groups of councillors and officers in separate familiarisation visits to KIWMP. The Park currently receives approximately 513 tonnes of municipal waste a day from the Kuching South City Council (MBKS), Padawan Municipal Council (MPP), Kuching North City Hall (DBKU) as well as some areas under the Serian District Council (MDS). It also receives, treats and disposes of hazardous waste from all over Sarawak, the Federal Territory of Labuan and Sabah.

Trienekens telah menyambut lawatan beberapa rombongan ahli-ahli majlis dan pegawai ke KIWMP dalam tempoh berasingan. Taman tersebut menerima lebih kurang 513 tan sisa perbandaran sehari dari kawasan-kawasan di bawah Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS), Majlis Perbandaran Padawan (MPP), Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) termasuk sebahagian daripada Majlis Daerah Serian (MDS). Ia juga menerima, merawat dan melupus semua sisa berbahaya dari seluruh Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan dan Sabah.



LANDFILL VISIT... A 15-member group of newly appointed councillors from the Padawan Municipal Council (MPP), led by MPP Chairman YB Cr. Lo Khere Chiang (6th left) were recently at KIWMP for a familiarisation visit. Also present were MPP Deputy Chairman, Dato' Ahmad Dato' Sri Ibrahim (5th left), Municipal Secretary Andrew Joris Noyen (4th right), as well as Trienekens' Group Deputy CEO, Elvin Wee (3rd right) and Chief Operating Officer, Alice Lee (5th right).

LAWATAN TAPAK PELUPUSAN... Serombongan 15 ahli majlis yang baru dilantik dari Majlis Perbandaran Padawan (MPP), diketuai oleh Pengurus YB Cr. Lo Khere Chiang (ke-6 kiri) telah melawat KIWMP. Turut hadir adalah Timbalan Pengurus MPP, Dato' Ahmad Dato' Sri Ibrahim (ke-5 kiri), Setiausaha Majlis Andrew Joris Noyen (ke-4 kanan), dan Timbalan CEO Kumpulan, Elvin Wee (ke-3 kanan) dan Ketua Pegawai Operasi, Alice Lee (ke-5 kanan).

FAMILIARISATION TOUR... Trienekens' Chief Operating Officer, Alice Lee (6th left) is seen here with a group of visiting Kuching South City Council (MBKS) officers and councillors, at the Natural Resources and Environment Board (NREB) categorised Level 4 sanitary landfill in KIWMP during the city council's recent visit.

LAWATAN SUAI KENAL... Ketua Pegawai Operasi Trienekens, Alice Lee (ke-6 kiri) bergambar bersama rombongan pegawai dan ahli majlis Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS) semasa lawatan mereka ke tapak pelupusan sanitari Tahap 4 mengikut kategori Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar, Sarawak di Mambong.



EDUCATIONAL... A delegation comprising of Council representatives from the Miri City Council (MCC) was recently in Kuching for a familiarisation tour of KIWMP. The half-day study visit was primarily to see how advanced waste management technologies for municipal and hazardous waste are operated in the State's capital. Miri Mayor, Adam Yii (6th left) who led the MCC delegation, thanked Trienekens for their hospitality, saying that the experience gained from the study visit would be discussed in the next city council meeting.

PENDIDIKAN... Satu perwakilan terdiri daripada ahli-ahli Majlis Bandaraya Miri (MCC) berada di Kuching dan melawat KIWMP. Lawatan sambil belajar separuh hari tersebut bertujuan untuk melihat cara teknologi terbaru pengurusan sisa perbandaran dan berbahaya dikendalikan di ibu negeri tersebut. Datuk Bandar Miri, Adam Yii (ke-6 kiri) yang mengetuai delegasi berterima kasih di atas layanan baik Trienekens, sambil menyatakan pengalaman lawatan terebut akan dikongsi bersama di mesyuarat majlis bandaraya akan datang.

Information Sharing Initiatives With Key Associates

Inisiatif Perkongsian Maklumat Bersama Rakan-rakan Utama

As part of its efforts to improve the company's operations and business efficiency, the company also recently collaborated with several key clients and industry members in information sharing initiatives.

Sebagai salah satu usaha mempertingkat kecekapan operasi dan perniagaan, syarikat telah bergabung tenaga dengan beberapa pelanggan dan anggota utama industri melalui beberapa inisiatif perkongsian maklumat.



Representatives from the Shell Group were recently at Trienekens' headquarters for an engagement session as well as for the company's Greenbanding report verification. Trienekens' Group Deputy CEO, Elvin Wee (front row, extreme left) led the session. He is seen here with Lim Kah Yong of Shell, HSE (front, centre), and Shell's Contract Specialist, Low Jia Ing (back row, far left) along with other Trienekens staff.

Wakil-wakil Kumpulan Shell berada di Ibu Pejabat Trienekens untuk sesi perbincangan dan pengesahan laporan Greenbanding syarikat. Sesi tersebut diketuai oleh Timbalan Ketua Pengawal Eksekutif Kumpulan Trienekens, Elvin Wee (baris depan, hujung kiri). Beliau kelihatan bersama Lim Kah Yong dari HSE, Shell (baris depan, hadapan) dan Pakar Kontrak Shell, Low Jia Ing (baris belakang, hujung kiri) bersama dengan staff Trienekens lain.



PCSB SK Gas visitors are pictured here with Trienekens representatives during their recent visit to KIWMP. The group's programme included a briefing and tour of KIWMP's hazardous waste disposal facilities.

Para pelawat dari PCSB SK Gas bergambar bersama kakitangan Trienekens selepas lawatan mereka ke KIWMP. Program lawatan merangkumi taklimat dan lawatan ke kemudahan pelupusan sisa berbahaya Trienekens.



A group from MLNG, Bintulu comprising of staff and senior management recently visited KIWMP for a site visit and technical briefing concerning scheduled waste treatment technologies and disposal process flows.

Rombongan staf dan pengurusan atasaran MLNG Bintulu membuat lawatan tapak dan menghadiri taklimat teknikal tentang teknologi rawatan dan aliran proses pelupusan sisa terjadual.

Ensuring Compliancy With Audits

Pastikan Kepatuhan Melalui Audit

An effective audit system includes regular and comprehensive reviews of an organisation's adherence to regulatory guidelines. In addition, compliance audits ensure updated evaluation and reviews of a company's security policies and risk management procedures. On top of having its own stringent quality audit system, Trienekens also observes audits by regulatory bodies and customers according to their varying procedures.

Sistem audit yang berkesan merangkumi kajian ke atas pematuhan syarikat kepada panduan-panduan pengawalan yang teratur dan menyeluruh. Di samping itu, audit kepatuhan juga memastikan polisi-polisi keselamatan dan prosedur mengurus risiko syarikat dikemaskini dan dikawal selia. Selain memiliki sistem kualiti tersendiri yang ketat, Trienekens juga mematuhi audit-audit pihak perundangan dan pelanggan berdasarkan prosedur-prosedur yang pelbagai.



